

**TEKS UCAPAN  
PEMBENTANGAN BAJET 2013  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani,

Selawat serta salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sollallah Hualaihi Wasallam.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Saya mohon izin membawa usul-usul berikut:

**Pertama:**

**Mengusulkan bahawa Rang Undang-undang yang dinamakan “Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2013 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu” dibacakan bagi kali kedua.**

**Kedua:**

**Mengusulkan satu ketetapan yang berbunyi:**

**“Bahawa butir-butir dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Dewan Bilangan 30 Palang 2012, adalah dengan ini diumumkan menjadi tujuan yang mana Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 itu boleh digunakan. Bahawa perbelanjaan sejumlah wang sebanyak tiga ratus dua puluh dua juta, dua ratus tiga ribu ringgit (RM322,203,000) yang ditunjukkan dalam penyata tersebut adalah dengan ini diluluskan bagi tahun 2013. Seterusnya jumlah wang yang ditunjukkan berhadapan dengan tiap-tiap butir dalam penyata itu adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang ditetapkan.”**

## **PENDAHULUAN**

***Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya Tuhanku melapangkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di kalangan hamba-hamba-Nya, dan Dia juga yang menyempitkan baginya. Apa sahaja yang kamu infakkan (belanjakan), maka Allah akan menggantikannya dan Dialah jua sebaik-baik pemberi rezeki.”***

***Saba' : 39***

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

1. Terlebih dahulu marilah sama-sama kita merafakkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia dan rahmatnya yang telah membolehkan kita sekalian rakyat di Negeri Perak tercinta menikmati kehidupan yang aman makmur, tanpa sebarang bencana atau musibah yang luar biasa di sepanjang tahun berlalu.

2. Suasana aman makmur ini adalah juga berkat dari kesungguhan semua pihak yang cintakan keamanan atas kesedaran serta tanggungjawab bahawa tanpa keamanan tidak mungkin dicapai kejayaan, dan prinsip inilah yang menjadi tunjang gagasan Perak Amanjaya.

3. Seperti yang dimaksudkan dalam ayat al-Quran yang saya bacakan tadi, Allah melapangkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Oleh itu, marilah sama-sama kita beriltizam untuk menjadikan diri masing-masing dan negeri tercinta ini sebagai golongan yang dilapangkan rezeki oleh Allah S.W.T. Dan Bajet 2013 yang dibentangkan ini diberkati jua hendaknya; semoga dengan rezeki yang bertambah melalui bajet ini, bolehlah kita meneruskan kebaktian kepada rakyat dan negeri, serta menjadikan diri kita dari golongan yang sentiasa bersyukur.

4. Bajet 2013 Negara yang dibentangkan oleh YAB. Perdana Menteri pada 28 September 2012 telah mencadangkan belanjawan negara sebanyak **251.6 bilion ringgit**. Pada kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri Perak, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada YAB. Dato' Seri Diraja Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak selaku Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan Malaysia. Ucapan syabas dan tahniah ini diiringi dengan setinggi penghargaan serta ucapan berbilang-banyak terima kasih atas segala curahan nikmat yang bakal diperoleh oleh rakyat dan Negeri Perak dari pelbagai peruntukan yang disediakan dalam bajet tersebut.

5. Bajet 2013 Negara turut menyuntik ilham dalam penyediaan Bajet 2013 Negeri Perak. Semangat dan prinsip Bajet Negara yang tercanai baik dan diadun rapi harus diterapkan ke peringkat negeri supaya pelaksanaannya boleh bersinergi demi memenuhi hasrat 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' dan 'Janji Ditepati'.

6. Bajet 2013 Negeri Perak yang dibentangkan di pagi ini telah melalui proses penelitian, dan penyediaannya telah memberi perhatian terhadap input-input serta pandangan dan idea dari pelbagai golongan yang menyuarakan melalui siri-siri dialog pra-bajet. Di samping soal keterangkuman atau inklusif, bajet ini juga perlu bertanggungjawab dan untuk itu, ia telah dirangka berteraskan tiga prinsip utama, iaitu:

Berhemah (Prudent)

Efisien (Efficient)

Mapan (Sustainable)

7. Berhemah dalam merangka bajet, efisien dalam pelaksanaan dan mapan dalam menghadapi tuntutan kemajuan pada masa-masa hadapan. Ketiga-tiga prinsip ini saling menyumbang dan saling melengkapi antara satu sama lain.

8. Aspek efisiensi yang juga menjadi prinsip utama bajet ini menekankan soal kelicinan dan keberkesanan pelaksanaan bajet. Sebaik mana sekalipun bajet yang disediakan, tetapi kalau pelaksanaannya meleset, maka melesetlah keberhasilannya.

9. Soal keamanan bajet atau 'sustainability' turut diberi keutamaan. Sesungguhnya, dengan jumlah rizab Kerajaan Negeri yang agak selesa, iaitu sebanyak **778.13 juta ringgit** pada nilai pasaran pada 7 Disember 2012, pihak Kerajaan Negeri boleh 'meluar-biasakan' jumlah peruntukan pembangunan supaya dipandang hebat dan boleh meraih glamor populis. Tetapi, soal yang lebih penting ialah sama ada kita mampu berterusan secara mapan meningkatkan lagi peruntukan untuk tahun-tahun seterusnya. Jika gagal, keamanan serta tahap pembangunan akan mengalami sindrom undur ke belakang, dan apabila ini berlaku, rakyat dan negeri yang bakal menjadi mangsa, sama ada terbantut pembangunan atau pun berdepan dengan defisit yang besar.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

10. Saya teruskan pembentangan Bajet ini dengan sorotan ringkas mengenai senario ekonomi di peringkat global, negara dan juga negeri yang saling berkait dan dijangka mempengaruhi prestasi pencapaian kita pada tahun 2013.

### **SENARIO DAN PRESTASI EKONOMI 2012 DAN PROSPEK TAHUN 2013**

11. Dalam tempoh kebelakangan ini, kita telah menyaksikan rentetan beberapa peristiwa kocakan dalam ekonomi di peringkat global yang menimbulkan keresahan di serata dunia.

12. Di Amerika Syarikat telah berlaku penguncupan dalam angka permintaan domestik dan juga dalam industri pembuatan, yang mengakibatkan peningkatan ketara dalam kadar pengangguran. Krisis kewangan zon Euro (Euro Zone) telah membawa padah kepada Greece, Portugal, Ireland dan Sepanyol dan membawa kesan buruk kepada ekonomi Eropah. Malah ekonomi negara China yang dianggap perkasa telah buat pertama kalinya dalam dekad ini menyusut kadar pertumbuhannya ke paras di bawah lapan peratus. Di Greece umpamanya, Kerajaan bertukar tangan silih berganti, namun terus merudum dirundung malang.

13. Konflik di rantau Asia Barat dan krisis China-Jepun juga telah memberi kesan negatif terhadap ekonomi global, sekali gus menjejaskan permintaan luar negeri bagi negara-negara di Asia. Malah, negara Jepun diramalkan akan mengalami kemelesetan pada tahun 2013.

14. Keadaan huru-hara yang sedang berlaku di Mesir sekarang ini turut memburukkan lagi keresahan di Asia Barat, sekali gus boleh memberi kesan buruk terhadap usaha-usaha pemulihan di rantau terbabit. Peristiwa di Mesir itu, yang diistilahkan sebagai '*Arab Spring*' dan menjurus kepada (dengan izin) '*Regime Change*' atau peralihan rejim pemerintahan, seharusnya diambil iktibar oleh kita rakyat Malaysia; bahawa peralihan rejim pemerintahan atau '*regime change*' bukanlah satu jaminan mutlak ke arah penambahbaikan, malah ianya berpotensi menimbulkan suasana tidak tenteram dan huru-hara yang tidak membawa sebarang kebaikan kepada rakyat dan negara. Bersabit dengan perkara ini, saya ingin mengingatkan pesanan orang tua-tua yang berbunyi, 'elok beringat sebelum kena', 'jangan sudah terhantuk baru tengadah'.

15. Walau pun suasana dan persekitaran sedemikian itu sedang melanda dan mendatangkan cabaran-cabaran sengit, kita yang bertuah berada di bumi Malaysia ini seharusnya bersyukur kerana mampu bertahan dan menikmati pertumbuhan walau pun pada kadar sederhana, iaitu bagi suku ketiga 2012 pada kadar 5.2 peratus. Sayugia diingatkan bahawa kemampuan kita ini bukan datang bergolek; ia adalah hasil dari keupayaan pihak Kerajaan yang diterajui Barisan Nasional mengurus tadbir negara ini dengan baik, di mana ekonomi kita telah diletakkan di atas landasan yang betul serta kukuh. Bersekali dengan tadbir urus yang baik itu ialah komitmen serta kerja keras rakyat jelata yang bijak memanfaatkan segala anugerah Tuhan kepada negara ini dalam bentuk hasil bumi, tanah yang subur, iklim yang baik dan juga suasana yang aman damai.

16. Pertumbuhan pada kadar 5.2 peratus bagi suku tahu ketiga 2012, berbanding 5.6 peratus bagi suku tahun sebelumnya, telah dirangsang oleh sektor-sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Turut menjadi faktor pemboleh atau *enabler* ialah permintaan domestik yang menggalakkan, yang didorong oleh pelbagai inisiatif serta suntikan tunai oleh pihak Kerajaan, seperti dana Bantuan Rakyat 1 Malaysia atau BRIM dan lain-lain suntikan di bawah Program

Transformasi Ekonomi (ETP). Kadar pertumbuhan 5.2 peratus itu telah meletakkan Malaysia di tempat ke-empat di kalangan negara-negara Asia Pasifik, di belakang China, Filipina dan Indonesia.

17. Suasana dan persekitaran ekonomi di Negeri Perak pada tahun 2013 dijangka terus berupaya menjana pertumbuhan KDNK pada kadar antara 5 hingga 5.5 peratus berdasarkan perkembangan dan petunjuk-petunjuk ekonomi di peringkat negara.

18. Suasana aman damai serta kondusif dan mesra pelabur yang wujud di Negeri Perak telah menarik para pelabur ke negeri ini. Sehingga September 2012, berdasarkan kelulusan pelaburan oleh Malaysian Investment Development Authority (MIDA), nilai pelaburan sebanyak **3.76 bilion ringgit** untuk 34 projek akan ditempatkan di Perak, yang terdiri dari **1.93 bilion ringgit** pelaburan dalam sektor pembuatan dan **1.83 bilion ringgit** dalam sektor perkhidmatan dan sektor utama yang lain, yang melibatkan **1.27 bilion ringgit** pelaburan asing (FDI). Nilai pelaburan dalam sektor pembuatan sebanyak **1.93 bilion ringgit** itu telah melepasi pencapaian sebanyak **984.9 juta ringgit** pada tahun 2011. Dari jumlah **1.93 bilion ringgit** untuk sektor pembuatan itu, pelaburan domestik adalah sebanyak **610.7 juta ringgit** dan Pelaburan Langsung Asing (FDI) sebanyak **1.27 bilion ringgit**. Pelaburan sebanyak **3.76 bilion ringgit** itu dijangka akan mewujudkan 4,231 peluang-peluang pekerjaan. Negeri Perak juga sering berada di tangga teratas dari segi pelaksanaan pelaburan, umpamanya projek Vale yang diluluskan pada tahun 2011, telah mula dilaksanakan pada tahun itu juga. Begitu juga dengan pelaburan Projek Toyo Tire di Kawasan Perindustrian Kamunting Raya, yang telah diluluskan dan mula dilaksanakan pada awal tahun 2012.

19. Ini membuktikan bahawa Negeri Perak masih berpotensi untuk menarik lebih banyak pelaburan, dan usaha menarik pelaburan akan terus dipertingkatkan lagi supaya ekonomi Negeri Perak terus membangun dengan pesat.

20. Dengan latar belakang itu, kita di Negeri Perak boleh melihat prospek 2013 dari tiga perspektif:

Pertama, kelangsungan usaha gigih oleh pihak Kerajaan Persekutuan yang stabil dan berterusan. Kejayaan program-program pembangunan sosioekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan akan pastinya menempiaskan nikmat kepada kita di Negeri Perak. Ini memerlukan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Perak.

Kedua, bagi kita di Negeri Perak, kemasukan pelaburan asing ke negeri ini amat penting sebagai penjana pertumbuhan. Untuk itu, di samping suasana aman damai serta kondusif dan mesra pelabur, soal kesinambungan kerajaan juga amat penting bagi mengekang sebarang elemen kesangsian di kalangan pelabur. Apa yang dialami di negara-negara yang sering berkocak dan kerap bertukar kerajaan patut dijadikan pengajaran buat kita, khususnya di Negeri Perak.

Ketiga, segala program dan pelaburan yang menjana pertumbuhan ekonomi di Negeri Perak ini seharusnya dijadikan pemboleh (*enabler*) oleh rakyat bagi meningkatkan ekonomi masing-masing. Rakyat tidak harus membiarkan diri semata-mata sebagai pemerhati kepada arus kemajuan yang didatangkan buat mereka.

21. Sekiranya ketiga-tiga faktor tersebut boleh diterjemahkan sebagai suatu iltizam kita bersama, tahun 2013 akan menjelma sebagai satu lagi tahun kejayaan buat kita di Negeri Perak. Kita mempunyai asas ekonomi yang kukuh, rakyat yang rajin, tanah yang subur, pelbagai sumber semula jadi dan Kerajaan yang mendahulukan rakyat. Resipi kita cukup untuk menjanjikan prospek yang baik pada tahun 2013.



Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

## **RANCANGAN MALAYSIA KE-SEPULUH (RMKe-10)**

22. Rancangan Malaysia ke-sepuluh (RMKe-10) akan memasuki tahun ketiga pelaksanaannya pada tahun 2013. Di bawah Rolling Plan ke-2 (*Second Rolling Plan*), Negeri Perak telah diluluskan peruntukan sebanyak **1.8 bilion ringgit** bagi tahun 2012-2013 untuk melaksanakan 314 buah projek. Projek-projek yang dilaksanakan terdiri dari 24 projek baru manakala selebihnya iaitu 290 merupakan projek sambungan.

23. Bagi projek-projek RMKe-10 di bawah peruntukan Kerajaan Negeri pula, sejumlah **594 juta ringgit** telah diperuntukkan mulai tahun 2011 dan 2012 di bawah Bajet Pembangunan negeri. Sehingga 14 Disember 2012, peruntukan yang telah dibelanjakan ialah sebanyak **514.52 juta ringgit** atau **86.61 peratus**.

## **WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA (NCER)**

24. Pelaksanaan projek-projek Koridor Utara di Negeri Perak telah dapat mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negeri dengan memberi fokus pembangunan kepada tiga (3) sektor teras Koridor Utara iaitu pertanian, pembuatan dan pelancongan. Untuk itu, beberapa projek khusus untuk pembangunan pelancongan telah dilaksanakan iaitu projek naik taraf Zoo Taiping, projek Pelancongan Pesisir Sayong di Kuala Kangsar dan pembinaan infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Hutan Tropika Belum-Temenggor, yang bernilai **22.1 juta ringgit**. Untuk memesatkan lagi pembangunan kawasan Kamunting, satu kajian pelan pembangunan strategik "Greater Kamunting" sedang dilaksanakan bagi memastikan pembangunan kawasan tersebut teratur, mapan dan holistik.

25. Selain dari projek pertumbuhan ekonomi, program-program bagi mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi masyarakat di negeri Perak juga telah dijalankan seperti Program Masuk Kampung NCIA, Program Jelajah Hope (The Hope Tour): InspirasiKU dan Program Latihan Keusahawanan ICT untuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

26. Rangkuman input belanjawan Rolling Pelan Kedua bagi tempoh 2012 dan 2013 berjumlah **2.4 bilion ringgit**, iaitu Kerajaan Persekutuan sebanyak **1.8 bilion ringgit**, Kerajaan Negeri **273 juta ringgit** pada 2011 dan **321 juta ringgit** pada 2012 serta NCER **22.1 juta ringgit**. Dengan peruntukan itu, Negeri Perak dapat menikmati pembangunan yang pesat dan mapan bagi tempoh 2012-2013. Ini amat memberangsangkan dan rakyat akan mengalami penambahbaikan tahap kesejahteraan hidup mereka.

## **GAGASAN PERAK AMANJAYA**

27. Menyedari bahawa usaha penambahbaikan taraf sosioekonomi memerlukan pendekatan yang holistik serta langkah-langkah yang lebih fokus, Kerajaan Negeri melalui Gagasan Perak Amanjaya telah mengambil pendekatan 3-D, iaitu *Distance*, *Density* dan *Division*. Dalam aspek '*distance*', kita mendekatkan jarak kepada peluang-peluang ekonomi supaya boleh meningkatkan keberhasilan. Aspek '*density*' menekankan soal kuantiti serta kapasiti pembangunan yang dipertingkatkan, manakala aspek '*division*' menekankan soal agihan '*equitable*' terhadap ke ekonomi negeri dan negara serta keterangkuman daerah-daerah atau wilayah. Pendekatan 3-D ini dimantapkan lagi dengan matlamat 3-Q bagi memastikan rakyat mendapat peluang yang berkualiti, pendapatan yang berkualiti dan seterusnya kehidupan yang berkualiti.

28. Mekanisme pelaksanaan 3-D dan 3-Q pula diterapkan melalui program **(dengan izin)** *Visible High Impact, Quick Win (VHIQW)* Perak Amanjaya dalam 7 Bidang Keberhasilan Utama (KRA), seperti berikut:

- i) ***Agihan dan Pembangunan Seimbang***
- ii) ***Masyarakat Berkemahiran, Berilmu dan Berpengetahuan***
- iii) ***Negeri dan Kerajaan Nadi Pertumbuhan***
- iv) ***Jaringan Infrastruktur & Kemudahan Awam***
- v) ***Angkatan Generasi Muda yang Partisipatif & Keharmonian Masyarakat***
- vi) ***Yayasan & Gagasan Sektor Swasta Yang Mapan***
- vii) ***Amalan Mesra Alam dan Kelestarian Sumber***

29. Ketujuh-tujuh KRA tersebut telah sering kali dipermaklumkan kepada khalayak, justeru saya berkeyakinan bahawa apa yang lebih ingin diketahui oleh rakyat ialah keberhasilannya. Semenjak tahun 2009 sehingga kini, tidak kurang dari 25 'titik sentuhan' utama atau pencapaian telah dilaksanakan. Sekadar menyentuh secara makro bagi penjimatan masa pembentangan ini, dan juga untuk mengelakkan sindrom ibarat 'letak diri dalam bakul dan angkat sendiri' atau kata orang Inggeris, **(dengan izin)** "*blowing your own trumpet*" saya ringkaskan seperti berikut:

30. Gagasan Perak Amanjaya yang menjadi doktrin kepada program transformasi di Negeri Perak ini telah meletakkan rakyat dan Negeri Perak di atas landasan yang betul serta kukuh bagi merencanakan perjalanan kita menuju negeri maju berpendapatan tinggi. Keberhasilannya jelas kelihatan dari pelbagai perspektif. Meningkat dari segi pelaburan, bertambah dari segi peluang-peluang pekerjaan, rancak dan mapan dalam pembangunan, bertambah baik dari segi infrastruktur, cemerlang pembangunan insan, kelestarian alam sekitar, kesejahteraan hidup rakyat dalam suasana aman damai dan segala ini menepati slogan 'tiada yang tertinggal, tiada yang terpinggir'. Manifestasi kecapaian tersebut

dapat dilihat dan dirasai di mana ibu negeri, Ipoh, menampakkan suasana rancak atau *vibrant*, begitu juga Manjung, Seri Iskandar, Parit Buntar, Bagan Serai, Teluk Intan, Tanjung Malim, Gerik, Kampar, Kamunting dan bandar-bandar lain. Pendek kata, sama ada di bandar atau di desa, kerancangan pembangunan yang membawa kesejahteraan hidup rakyat segenap lapisan jelas kelihatan dan dinikmati. Usaha cuba disangkal hakikat ini. Saya percaya testimoni kepada kejayaan-kejayaan tersebut sudah terpampang di mata serta terpahat di hati dan sanubari rakyat kerana saya yakin majoriti rakyat tahu menilai, kecualilah golongan yang berasa tidak senang terhadap kejayaan tersebut kerana mungkin menggugat kelestarian agenda politik mereka.

### **FOKUS BAJET 2013**

31. Bajet 2013 Negeri Perak digubal bagi meneruskan usaha-usaha mensejahterakan rakyat dan memakmurkan negeri. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan memastikan setiap golongan rakyat mendapat manfaat daripada pembangunan yang akan dirancarkan lagi pada tahun 2013. Bersesuaian dengan hasrat tersebut, Bajet 2013 yang bertemakan **NEGERI SEJAHTERA, RAKYAT TERBELA**, akan memberi penekanan kepada lima fokus utama iaitu:

- Pertama:** Menjana aktiviti perniagaan dan memacu ekonomi;
- Kedua:** Membentuk modal insan syumul dan membina generasi berjaya;
- Ketiga:** Memperkukuhkan infrastruktur dan kualiti kemudahan awam;
- Keempat:** Mensejahterakan rakyat; dan
- Kelima:** Membina masa hadapan yang cemerlang

## **FOKUS PERTAMA: MENJANA AKTIVITI PERNIAGAAN DAN MEMACU EKONOMI**

### **Pelan Pembangunan Perak Amanjaya**

32. Melalui Pelan Pembangunan Perak Amanjaya, beberapa kategori industri yang berdaya maju dan berteknologi tinggi akan diberikan keutamaan. Usaha-usaha menarik pelaburan pada masa kini akan bertumpu kepada industri pembuatan komponen dan peralatan penjanaan tenaga, komponen pengangkutan, pemanfaatan sumber asli, besi keluli, fabrikasi minyak dan gas, elektrik dan elektronik, bioteknologi, hab pendidikan dan industri halal.

## **Pembangunan Kluster Ekonomi**

33. Bersesuaian dengan 3D Regional Growth Plan, Kerajaan Negeri akan menyelaraskan dan membangunkan ekonomi mengikut kluster-kluster pembangunan yang telah dikenal pasti mengikut zon-zon ekonomi tertentu. Sehingga kini, enam (6) kawasan zon kluster ekonomi telah dikenal pasti iaitu di Lembah Kinta (Tengah), Lembah Beriah (Utara), Ulu Bernam (Selatan), Hulu Perak (Timur) dan Manjung serta Hilir Perak (Barat). Manakala kawasan-kawasan lain tidak akan dilupakan dalam arus pembangunan ekonomi negeri di mana ia akan dijadikan sebagai koridor pembangunan yang menjadi penghubung kepada keenam-enam zon ekonomi kluster berkenaan.

34. Untuk itu, Kerajaan Negeri dengan persetujuan dan kerjasama pengurusan baru Proton akan merencanakan semula pembangunan di zon ekonomi Tanjung Malim dengan menyediakan perancangan baru industri-industri di Proton City terutama industri peralatan, komponen dan aksesori pengangkutan. Proton juga akan menjadi peneraju utama pembangunan ekonomi di Tanjung Malim. Manakala zon ekonomi Manjung akan diberikan penumpuan kepada industri penjanaan tenaga, besi keluli, industri maritim dan industri pelabuhan yang akan diperkukuhkan pengurusan dan pentadbirannya. Zon ekonomi Hilir Perak pula akan muncul sebagai pusat industri pembinaan kapal-kapal dan industri perikanan.

35. Pengaktifan semula Menteri Besar Incorporated (MB Inc.) pada tahun 2012 yang bertujuan untuk membangunkan beberapa sektor seperti perlombongan, hartanah dan hab pendidikan adalah bertepatan dengan usaha Kerajaan Negeri bagi membangunkan zon ekonomi Lembah Kinta sehingga ke kawasan Seri Iskandar dengan merangka kawasan-kawasan pertumbuhan baru. Pengaktifan semula ini akan melahirkan sebuah lagi jentera pertumbuhan (dengan izin) (*engine of growth*) yang akan memesatkan lagi pembangunan serta menjana hasil untuk negeri.

36. Kerajaan Negeri juga telah melakukan transformasi terhadap Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Perak (SADC) bagi memajukan transformasi ekonomi dalam sektor pertanian. Kini SADC tidak lagi hanya berkisar kepada pembangunan pertanian komoditi, malah telah diperluaskan skop perniagaannya meliputi pertanian berasaskan makanan. Untuk itu, peranan dan kepakaran SADC amat diperlukan dalam membangunkan kluster ekonomi di zon-zon yang berasaskan pertanian di seluruh Negeri Perak.

### **Pembangunan Lestari (Sustainable Development)**

37. Negeri Perak dianugerahkan dengan sumber kekayaan biodiversiti terutama di kawasan kompleks hutan Belum-Temengor yang merupakan antara kawasan hutan hujan tropika tertua di dunia. Oleh itu, kluster zon ekonomi Hulu Perak adalah amat bertepatan untuk dibangunkan dengan industri penyelidikan biodiversiti dan ekopelancongan terutama di kawasan Royal Belum serta di kawasan Lenggong yang berpotensi dalam industri ekopelancongan warisan, setelah Lenggong diisytiharkan sebagai 'World Heritage Archeological Site oleh UNESCO. Bagi menjayakan perancangan ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) telah menyediakan Pelan Induk Bersepadu Hutan Tropika Belum-Temengor yang akan menjadi rujukan dalam pengurusan dan pembangunan hutan Belum sebagai destinasi ekopelancongan serta Lenggong sebagai destinasi ekopelancongan warisan.

38. Selain itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan projek Conservation of Biodiversity (CBioD) yang bermatlamat untuk mewujudkan peluang pembangunan ekonomi di kawasan Greater Ipoh di samping memperoleh hasil secara mapan dan lestari. Inisiatif CBioD ialah satu platform Kerajaan Negeri bagi menyumbang ke arah penyelesaian keresahan global (*global concern*) pada masa kini berkaitan 'biodiversity loss' dan perubahan cuaca global serta mampu meletakkan nama Negeri Perak di peta dunia di dalam BioD Conservation Initiatives. Asas bagi

Inisiatif BioD adalah menerusi strategi amalan pemeliharaan baik (*good conservation practices*), aktiviti-aktiviti pemuliharaan (*rehabilitation activities*), mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber biodiversiti melalui aktiviti kitar semula (*recycling activities*) serta penggunaan sumber-sumber yang boleh diperbaharui (*renewable*) dan membentuk cara hidup yang menyayangi alam sekitar.

39. Di bawah Inisiatif BioD, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) telah mengenal pasti pembangunan Greater Ipoh yang melibatkan kawasan dari Jelapang ke Sungai Siput (Utara) untuk dibangunkan dengan aktiviti ekonomi hartanah, bioteknologi, teknologi hijau, ICT, ekopelancongan dan gaya hidup komuniti (*community life style*) yang akan dipacu oleh pihak swasta dan Kerajaan bertindak sebagai fasilitator. Usaha ini akan meletakkan visi kepada semua pemain industri di kawasan berkenaan agar menepati amalan-amalan baik yang dapat mengekalkan alam sekitar khususnya biodiversiti dan dalam masa yang sama menjana pertumbuhan ekonomi yang mapan.

40. Impak daripada Inisiatif BioD ini adalah meluas, termasuk pembangunan 'new emerging industries' seperti kandungan kreatif ICT, R&D, Industri Kecil dan Sederhana serta pengetahuan tradisi. Antara projek-projek utama yang telah dirancang untuk dibangunkan di dalam Greater Ipoh adalah BioD Animation Theme Park, Giant Code Bio Excell Center, Kledang Saiong Wilderness Park & Research Center, Forest Arboretum/Botanical Garden & Research Center, Gunung Lang Recreational & Botanical Garden dan bandar-bandar baru lain yang akan menerapkan amalan-amalan baik kepada kelestarian alam sekitar.



## **Memantapkan Industri Pelabuhan**

41. Kerajaan Negeri menyedari perlunya usaha-usaha memantapkan industri pelabuhan bagi memberikan kesan yang lebih positif terhadap perkembangan ekonomi negeri.

42. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk menubuhkan Pihak Berkuasa Pelabuhan Negeri bagi memantau dan menyelaras semua operasi pelabuhan-pelabuhan sama ada kecil atau besar. Ini selaras dengan perancangan masa hadapan negeri bagi merencanakan pembangunan industri perkapalan dan pelabuhan di Negeri Perak, yang kelak akan menjana ekonomi negeri dan menyumbang kepada peningkatan hasil Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

## **Sektor Pertanian**

43. Sebagai sebuah negeri yang boleh dianggap luas, subur dan mempunyai ramai golongan rakyat yang menceburi aktiviti pertanian, Kerajaan Negeri akan terus menyediakan sektor pertanian dengan peruntukan yang bersesuaian bagi menjadikan negeri ini sebagai pengeluar makanan utama. Berdasarkan statistik tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia, Negeri Perak telah mengeluarkan hasil pertanian ladang/kontan seperti tebu kuning, ubi kayu dan ubi keledek sebanyak 14,962 metrik tan. Selain tanaman kontan, Negeri Perak antara pengeluar utama kelapa di Malaysia. Ini memberikan gambaran bahawa sektor pertanian di Negeri Perak boleh dikembangkan lagi dengan jayanya. Untuk itu, peruntukan **8.5 juta ringgit** disediakan pada tahun 2013 bagi melaksanakan pelbagai program dan projek pembangunan pertanian di negeri ini.

## **Sektor Penternakan**

44. Berkat kesungguhan dan kerajinan penternak-penternak di negeri ini, Negeri Perak telah menjadi pengeksport utama ayam daging, itik, telur ayam dan telur itik, di samping dapat menampung keperluan tempatan bagi bekalan daging lembu dan kambing.

45. Bagi menyokong kemajuan sektor penternakan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan **9.0 juta ringgit** pada tahun 2013. Peruntukan tersebut akan digunakan untuk membangunkan sektor penternakan dengan keutamaan kepada pembangunan komoditi ruminan besar, ruminan kecil, industri tenusu dan lain-lain projek pembangunan yang berkaitan.

46. Sektor pertanian dan penternakan di Negeri Perak boleh dimajukan lagi ke tahap yang lebih tinggi, sekiranya kita menyediakan perancangan strategik serta menetapkan sasaran dan fokus pembangunan yang diinginkan. Kerajaan Negeri juga sedang merancang untuk menjadikan Negeri Perak sebagai hab pengeluaran makanan negara. Oleh itu, fungsi dan peranan Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri akan dikaji dan ditambah baik bagi memenuhi hasrat tersebut. Oleh yang demikian, Unit Perancang Ekonomi Negeri akan menjadi penggerak bagi menyediakan perancangan strategik pembangunan sektor pertanian dan penternakan di Negeri Perak, di samping melakukan kajian semula fungsi dan peranan kedua-dua jabatan tersebut.

## **Sektor Pelancongan**

47. Sektor pelancongan sentiasa menjadi wadah untuk meletakkan sesebuah negeri dan negara di mata dunia. Apatah lagi di Negeri Perak yang mempunyai pelbagai kekayaan alam semula jadi dan tempat pelancongan menarik, yang sudah

tentu mampu mengundang tarikan para pelancong dari serata dunia untuk menikmatinya. Akhirnya ia akan membawa limpahan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada pengusaha pelancongan, peniaga hatta kepada seluruh rakyat Negeri Perak. Kerana itulah Kerajaan Negeri telah mengadakan Tahun Melawat Perak 2012.

48. Walau pun Tahun Melawat Perak 2012 bakal berakhir pada penghujung tahun ini, Kerajaan Negeri terus komited meletakkan Negeri Perak sebagai destinasi pelancongan pilihan di mata dunia dengan memperuntukkan sebanyak **7 juta ringgit** pada tahun 2013 untuk negeri melaksanakan program-program pelancongan dan kegiatan promosi yang mampu merancakkan sektor ini.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

## **FOKUS KEDUA: MEMBENTUK MODAL INSAN SYUMUL DAN MEMBINA GENERASI BERJAYA**

### **Pendidikan Di Peringkat Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi**

49. Pendidikan sentiasa menjadi elemen penting dalam membentuk ketamadunan. Pendidikan juga membentuk jati diri insan dan melahirkan ummah yang berkualiti serta berdaya saing. Tanpa pendidikan, ianya ibarat orang buta yang berjalan dalam kegelapan, tanpa arah tuju dan andai tidak dipandu pasti kelak akan tergelincir.

50. Menyedari hakikat itu, pada tahun 2013, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **42 juta ringgit** untuk sektor pendidikan yang melibatkan penyediaan infrastruktur, peralatan pengajian, bantuan pelajaran,

kemudahan pinjaman dan penggunaan teknologi pendidikan. Segala kemudahan serta bantuan ini meliputi semua golongan masyarakat di Negeri ini.

51. Menyentuh tentang pendidikan ini juga, antara program yang dilaksanakan adalah di bawah inisiatif Gagasan Perak Amanjaya iaitu Asrama Amanjaya Harmoni (AsAH) yang selari dengan usaha Kerajaan Negeri hendak melahirkan masyarakat yang mempunyai keupayaan menepati keperluan semasa dan mempunyai sahsiah yang tinggi. Melalui Program AsAH ini, kebanyakan pelajar yang datang daripada keluarga miskin dengan keputusan akademik yang sederhana sebelumnya telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam pencapaian akademik setelah ditempatkan di asrama ini. Untuk meneruskan program Asrama Amanjaya Harmoni, Kerajaan Negeri memperuntukkan **2.8 juta ringgit** pada tahun 2013.

52. Beberapa program baru akan dilaksanakan pada tahun 2013 khusus bagi meningkatkan mutu pembelajaran dan prestasi pencapaian pelajar.

53. Buat pertama kalinya, sebagai mengiktiraf peri pentingnya peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dalam membantu meningkatkan prestasi pelajar, maka Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menyediakan peruntukan **2.2 juta ringgit** pada tahun 2013 yang akan diberikan kepada 1,100 buah PIBG di Negeri Perak dengan pembahagiannya mengikut bilangan pelajar. Peruntukan ini boleh digunakan untuk mengadakan pelbagai aktiviti antara kumpulan ibu bapa, guru dan pelajar terutama program-program yang dapat meningkatkan prestasi pelajar dan kemahiran keibubapaan (*parenting skills*).

54. Menyedari pembelajaran di sekolah boleh diperkemaskan melalui input tambahan seperti tuisyen untuk pelajar, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan **2.5 juta ringgit** bagi **Program Tuisyen Online** pada tahun 2013. Melaluinya, pelajar sekolah di Negeri Perak boleh mengulang kaji pelajaran secara *online* di rumah masing-masing secara percuma. Program ini akan menjadi

pemudah cara (*enabler*) kepada pelajar serta meringankan kos tuisyen yang ditanggung oleh ibu bapa.

55. Di samping mewujudkan program-program baru untuk manfaat pelajar dan guru, Kerajaan Negeri akan meneruskan serta menambah baik program-program sedia ada. Penubuhan Maahad Tahfiz yang telah dimulakan pada tahun 2010 di Manjung telah berjaya diperluaskan pelaksanaannya di empat buah daerah mulai tahun 2012, iaitu di Kerian, Lenggong, Kuala Kangsar dan Batang Padang. Peruntukan yang disediakan untuk mengurus kelima-lima Maahad Tahfiz ini pada tahun 2013 ditambah **500 ribu ringgit** kepada **4.5 juta ringgit**.

56. Kerajaan Negeri sentiasa menyokong dan membantu anak-anak Perak yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan terutama dalam mengurangkan beban kewangan. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan **10 juta ringgit** pada tahun 2013 bagi pemberian bantuan secara “*one off*” anak Perak yang melanjutkan pelajaran di peringkat Sijil, Matrikulasi, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Dengan peruntukan tersebut, kira-kira **13 ribu orang pelajar** anak Negeri Perak akan menerima manfaatnya dalam setahun.

57. Bantuan Dermasiswa ini diberikan kepada para pelajar dari keluarga (isi rumah) yang berpendapatan di bawah 3,000 ringgit sebulan. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang mempunyai pendapatan melebihi 3,000 ringgit tersebut, pertimbangan sewajarnya akan diberikan terutama kepada keluarga yang mempunyai tanggungan anak yang ramai dan masih bersekolah.

58. Sejak tahun 2009 hingga September 2012, Kerajaan Negeri telah memberikan sumbangan dermasiswa berjumlah **34.76 juta ringgit** yang telah diberikan kepada seramai **45,614 orang pelajar** anak Perak. Bantuan sedemikian sudah pastinya mampu meringankan beban kewangan ibu bapa pelajar dalam membuat persediaan untuk anak-anaknya memasuki institusi pengajian tinggi.

59. Peruntukan bagi caruman kepada **Kumpulan Wang Biasiswa Anak-Anak Melayu dan Bukan Melayu Negeri Perak** diteruskan lagi bagi tahun 2013 dengan peruntukan **5 juta ringgit**. Peruntukan ini bagi membantu pelajar-pelajar anak Perak yang belum mendapat sebarang tajaan atau pinjaman daripada mana-mana pihak.

60. Sejak tahun 2012, **Program Pemetaan Minda (Mind Mapping)** telah dilaksanakan yang melibatkan 15,000 orang pelajar yang akan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan 20,000 orang pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di seluruh Negeri Perak. Program ini menggunakan kaedah *Mind Mapping* yang diasaskan oleh Tony Buzan dan memfokuskan mata pelajaran Matematik Tambahan dan Fizik bagi calon SPM dan mata pelajaran Sejarah bagi calon PMR. Bagi memastikan kesinambungan dan kejayaan program ini, peruntukan **3.5 juta ringgit** disediakan pada tahun 2013 dan program ini akan dilaksanakan di bawah kendalian Yayasan Perak.

61. Peruntukan bagi **Sekolah Agama Rakyat** akan diteruskan pada tahun 2013 dengan peruntukan **3 juta ringgit**. Bantuan tersebut akan membolehkan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat menyediakan pelbagai kemudahan pembelajaran, menjalankan aktiviti ko-kurikulum dan lain-lain aktiviti dengan lebih baik dan selesa.

62. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan peruntukan kepada **Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina dan Mubaligh** berjumlah **2 juta ringgit**.

63. Bantuan perbelanjaan utiliti untuk **Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil** juga diteruskan lagi pada tahun 2013 dengan peruntukan **1 juta ringgit**.

64. Bagi mengurangkan jurang pendidikan di kalangan anak-anak kaum India dalam pelajaran, Kerajaan Negeri akan meneruskan pembiayaan **Tabung Khas untuk pendidikan anak-anak kaum India** dengan peruntukan **1 juta ringgit**.

65. Peri pentingnya pendidikan di kalangan anak-anak Orang Asli tetap diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan **Program Kecemerlangan Murid Orang Asli** dengan peruntukan **500 ribu ringgit**.

66. Usaha meletakkan Negeri Perak ini sebagai destinasi pilihan lepasan menengah tidak pernah terhenti. Sebagai buktinya, sukacita juga saya memaklumkan bahawa pada 13 Disember 2012, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) telah diluluskan kenaikan taraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menjadi sebuah Kolej Universiti. Tahniah diucapkan kepada barisan kepimpinan pengurusan, pegawai, kakitangan dan pelajar KUISAS di atas pengiktirafan ini. Seajar dengan kenaikan taraf ini, Kerajaan Negeri akan menaikkan peruntukan untuk kolej tersebut sebanyak **4 juta ringgit** menjadi **16 juta ringgit** pada tahun 2013.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

## **FOKUS KETIGA: MEMPERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR DAN KUALITI KEMUDAHAN AWAM**

67. Infrastruktur dan kemudahan awam adalah komponen penting dalam program pembangunan. Justeru, di samping soal penyediaannya, Kerajaan Negeri juga mengambil berat tentang kualiti kemudahan dan penyelenggaraannya. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **65 juta ringgit** untuk Jabatan Kerja Raya pada tahun 2013 di mana **38 juta ringgit** akan dibelanjakan untuk infrastruktur jalan dan jambatan, dan **27 juta ringgit** diperuntukkan untuk projek-projek bangunan.

68. Bagi peruntukan Jabatan Pengairan dan Saliran, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan **14 juta ringgit**. Daripada **14 juta ringgit** yang disediakan itu, **9.8 juta ringgit** akan digunakan bagi rancangan tebatan banjir dan saliran bandar, **1.5 juta ringgit** bagi projek-projek pengurusan dan pemuliharaan sungai, **1.2 juta ringgit** masing-masing bagi menaik taraf infrastruktur rancangan pengairan dan saliran serta projek pemuliharaan ban pantai dan struktur kawalan hakisan.

### **Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kerian**

69. Semua menyedari bahawa berlakunya perubahan cuaca dunia atau '*climate change*' yang mengakibatkan lebih hujan. Dengan rasa penuh kesyukuran kepada Illahi, Kerajaan Negeri ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan peruntukan sebanyak **450 juta ringgit** untuk Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kerian, di mana **340 juta ringgit** diperuntukkan untuk Negeri Perak dan baki **110 juta ringgit** untuk Kedah dan Pulau Pinang. Peruntukan sebegitu besar bagi projek ini adalah hasil permohonan dan usaha oleh Kerajaan Negeri Perak. Projek berskala besar ini telah dimulakan dan akan melibatkan kerja-kerja pembinaan dan pengambilan tanah



untuk dilaksanakan di kawasan Lembangan Sg. Kerian, Lembangan Sg. Kurau dan Lembangan Sg. Kerian/Kurau. Sebagai tambahan, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak **50 juta ringgit** bagi projek pemuliharaan hakisan pantai di Ban Pecah, Tanjung Piandang.

70. Setelah projek rancangan tebatan banjir ini siap kelak, 96,000 orang penduduk di kawasan terlibat akan terhindar dari risiko banjir. Ini kerana projek berkenaan akan melibatkan pengurangan kawasan banjir dari 12,200 hektar kepada hanya 2,400 hektar iaitu pengurangan sebanyak 80%. Malah, sekitar 16,000 tan hasil padi dan 20,000 tan hasil kelapa sawit turut dijangka dapat diselamatkan.

#### **Lain-lain infrastruktur**

71. Kemudahan bagi umat Islam menunaikan ibadah sentiasa diberi perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri. Atas keprihatinan itu, peruntukan **10 juta ringgit** akan diteruskan pada tahun 2013 bagi penyediaan infrastruktur surau dan masjid.

72. Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk menambah peruntukan bagi membaik pulih rumah-rumah ibadat bukan Islam daripada **4.5 juta ringgit** tahun 2012 kepada **5 juta ringgit** pada tahun 2013.

73. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah membelanjakan **6.6 juta ringgit** bagi pemasangan 13,653 unit lampu jalan di kampung-kampung. Bagi meneruskan program seperti itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menyediakan peruntukan **4 juta ringgit** bagi pemasangan lampu-lampu jalan kampung yang belum menerimanya dan bagi membayar bil elektrik lampu-lampu berkenaan.

74. Kerajaan Negeri sentiasa membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan pelbagai projek infrastruktur dan kemudahan awam. Untuk itu, peruntukan **2.7 juta ringgit** diperuntukkan kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan infrastruktur, perkhidmatan bandar, kemudahan awam dan kemudahan komersial.

## **FOKUS KEEMPAT: MENSEJAHTERAKAN RAKYAT**

### **Pembasmian Kemiskinan**

75. Hakikatnya tiada siapa mahukan kemiskinan, namun belunggu kemiskinan ini dilihat sukar untuk lari dari kehidupan manusia. Ia mencengkam masyarakat di negara-negara mundur, negara-negara membangun hatta di negara-negara maju sekalipun. Malah kita juga sedar Negeri Perak tentunya tidak terkecuali. Tetapi adakah kita hanya berpeluk tubuh dan berdiam diri melihat permasalahan ini. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, berpeluk tubuh bukanlah pilihan kita.

76. Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan mengenai perangkaan kemiskinan di Negeri Perak, semasa pembentangan Bajet 2012 pada 21 November 2011, saya telah memperjelaskan kaedah yang dipakai dalam mengenal pasti golongan sasar pembasmian kemiskinan. Untuk mengelakkan perkara ini dijadikan bahan putar belit oleh golongan tertentu bagi mengelirukan rakyat, secara ringkas saya ulangi penjelasan seperti berikut:

77. Setelah diperoleh data perangkaan bilangan golongan miskin dan miskin tegar pada tahun yang berkenaan, angka itu di'kunci' sebagai penanda aras untuk langkah-langkah pembasmian bagi tempoh tahun semasa. Kaedah ini perlu

dilaksanakan supaya program pembasmian kemiskinan terfokus kepada golongan sasaran yang telah dikenal pasti, sekali gus membolehkan pengukuran terhadap kecapaian matlamat yang ditetapkan bagi tahun berkenaan. Berdasarkan kaedah tersebut, pada 30 Oktober 2010, hanya berbaki 60 Ketua Isi Rumah (KIR) golongan miskin, manakala pada Disember 2010 telah tercapai sifar miskin tegar di Negeri Perak.

78. Dalam soal pembasmian kemiskinan, satu perkara yang tidak harus dilupakan ialah bahawa proses cengkaman kemiskinan tidak punya noktah dan tidak mengenal sempadan daerah, negeri, negara mahupun kaum. Golongan mudah miskin, golongan ditimpa musibah, golongan hilang upaya, golongan terputus punca pendapatan dan golongan yang kurang bernasib baik, sentiasa terdedah untuk jatuh miskin atau miskin tegar. Justeru, usaha membasmi kemiskinan juga tidak harus ada noktahnya.

79. Bagi menangani serta membasmi kemiskinan dan juga miskin tegar di Negeri Perak, iaitu 704 KIR miskin tegar dan 5,468 KIR golongan miskin berdasarkan data e-Kasih pada November 2011, pelbagai usaha sama ada secara langsung atau tidak langsung dilakukan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan. Dengan mengambil pendekatan inklusif serta skop pelbagai dimensi (*multi-dimensional*), di antara langkah-langkah pembasmian kemiskinan adalah seperti berikut:

### **Bantuan Kebajikan**

80. Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa menjadi pusat permohonan bantuan kebajikan. Bagi menampung pertambahan permohonan, maka Kerajaan Negeri bersetuju untuk menambah peruntukan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak **2 juta ringgit** menjadi **22.84 juta ringgit** pada tahun 2013. Dengan pertambahan ini, Kerajaan Negeri berharap agar kadar baru bantuan minimum

yang diterima sekarang ini iaitu **150 ringgit** seperti yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2012 tahun lalu dapat dikekalkan.

81. Rumah kediaman yang selesa dan selamat adalah suatu keperluan asas buat rakyat. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri akan meneruskan Program Bantuan Rumah (PBR) pada tahun 2013 dengan peruntukan **5 juta ringgit** bagi membantu golongan yang memerlukan.

82. Di samping itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan Program Bantuan Barangan Makanan dengan peruntukan **5 juta ringgit** pada tahun 2013. Dijangkakan seramai **lima ribu** keluarga yang tidak berkemampuan akan dapat dibantu setiap bulan melalui program ini. Kalau tidak semua, sedikit sebanyak dapatlah keperluan makan dan minum mereka dipenuhi.

83. Golongan anak yatim turut diberi perhatian di dalam Bajet 2013. Berdasarkan rekod di Jabatan Kebajikan Masyarakat, terdapat 26 buah pusat jagaan anak yatim yang berdaftar dengan jumlah penghuninya seramai 834 orang. Bagi menampung kos penjagaan dan kebajikan anak-anak yatim, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menambah peruntukan bagi membiayai pengurusan dan kegiatan anak-anak yatim daripada **250,200 ringgit** pada tahun 2012 kepada **1 juta ringgit** pada tahun 2013. Bantuan ini akan disalurkan kepada pusat-pusat jagaan yang berdaftar.

84. Kepelbagaian kaum, budaya dan agama menjadikan negeri ini penuh warna warni. Saban tahun, pelbagai perayaan disambut dan dirayakan bersama. Golongan mereka yang susah juga berhak untuk bergembira dan sudah tentunya tidak kita lupakan. Untuk itu, Program Bantuan Wang Tunai Semasa Musim Perayaan diteruskan lagi pada tahun 2013 dengan peruntukan **1 juta ringgit**. Program ini bertujuan meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan membuat persiapan menyambut perayaan, supaya mereka juga turut menikmati suasana gembira pada musim perayaan.

85. Menjadi lumrah apabila berniaga, tentulah keuntungan menjadi objektifnya. Namun ia tidak seharusnya melupakan kita akan tanggungjawab membantu golongan kurang berkemampuan. Ibarat pepatah 'hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicicah'. Lembaga Air Perak (LAP) melalui program tanggungjawab sosial mereka telah membantu rakyat miskin dengan pemberian bekalan air secara percuma sebanyak 20 meter padu sebulan. Sehingga 2012, seramai **9,883 keluarga/rumah** telah menikmati faedah ini dengan melibatkan pemberian subsidi berjumlah **3.32 juta ringgit**.

86. Sebagai tambahan kepada program tanggungjawab sosial sedia ada, mulai tahun 2013, Lembaga Air Perak akan memberikan pengecualian bayaran bil air bulanan bagi 20 meter padu pertama untuk semua rumah ibadat Islam dan bukan Islam. Pemberian pengecualian bayaran bil air ini akan dapat dinikmati oleh ribuan surau, masjid, tokong, kuil, gereja, gudwara dan lain-lain rumah ibadat di Negeri Perak. Bagi membolehkan rumah ibadat tersebut menerima subsidi ini, ia perlu didaftarkan di mana masjid dan surau perlu didaftarkan dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, manakala rumah ibadat bukan Islam perlu berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Berdasarkan maklumat sedia ada, sebanyak **1,998 buah** rumah-rumah ibadat akan menikmati kemudahan ini. Ini merupakan langkah tanggungjawab sosial yang amat besar ertinya.

87. Mulai tahun 2013, Kerajaan Negeri akan mengubah suai kaedah pelaksanaan skim bantuan menguruskan jenazah supaya lebih menepati keperluan golongan sasaran. Skim Tabaruk akan digantikan dengan sumbangan yang akan diberikan secara langsung kepada pihak waris si-mati. Peruntukan **3 juta ringgit** disediakan bagi tujuan tersebut. Golongan sasaran yang layak menerima sumbangan ini ialah Golongan Kelainan Upaya (OKU), ibu tunggal, Orang Asli dan warga emas yang kurang berkemampuan dan akan diperluaskan kepada kumpulan-kumpulan masyarakat lain yang difikirkan perlu. Suatu garis panduan pelaksanaannya akan disediakan dalam masa terdekat.

88. Berdasarkan rekod di Jabatan Kebajikan Masyarakat, terdapat **tujuh** pusat jagaan warga tua di Negeri Perak. Untuk itu, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan peruntukan **150 ribu ringgit** bagi bantuan pengurusan pusat jagaan warga tua berdasarkan pemberian per kapita **300 ringgit** setiap warga tua.

### ***Kluster Ekonomi Keluarga (Family Economic Cluster)***

89. Bantuan berbentuk pinjaman bagi pengupayaan dan kesinambungan Kluster Ekonomi Keluarga (*Family Economic Cluster*) akan diteruskan pada tahun 2013, memandangkan sambutan yang menggalakkan terhadap program tersebut. Peruntukan **1 juta ringgit** disediakan pada tahun 2013, iaitu jumlah yang sama dengan peruntukan pada tahun 2012. Program Kluster Ekonomi Keluarga ini akan dikendalikan oleh Yayasan Bina Upaya dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri.

90. Segala bantuan serta sumbangan yang disediakan itu adalah sejajar dengan pendekatan '*inclusive*' atau keterangkuman serta '*multi-dimensional*' atau pelbagai dimensi yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri bagi mensifarkan bilangan miskin tegar dan mengurangkan golongan miskin.

### **Program Mikro Kredit Amanjaya Belia Niaga**

91. Program Mikro Kredit Amanjaya Belia Niaga yang bertujuan untuk memberikan kemudahan pinjaman kredit kepada golongan yang kurang berkemampuan sememangnya telah banyak membantu membangunkan perniagaan dan menambah baik kedudukan ekonomi sesebuah keluarga. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri akan meneruskan program mikro kredit Amanjaya ini

dengan peruntukan **1 juta ringgit**. Diharapkan agar lebih ramai pemohon akan mendapat manfaat daripada kemudahan pinjaman tersebut. Bagi tahun 2012, setakat 11 Disember 2012, seramai 1,055 orang pemohon yang layak telah diberikan pinjaman mikro kredit berjumlah **6.5 juta ringgit**. Kemudahan tersebut merangkumi Skim Iktisad Bina Upaya, Skim Transformasi Kedai Runcit, Skim Pembiayaan Kluster Ekonomi Keluarga Amanjaya dan Skim Mikro Kredit Amanjaya Belia Niaga.

### **Kelestarian Sosiobudaya dan Pengupayaan Aktiviti Kemasyarakatan**

92. Gagasan Perak Amanjaya mengambil pengajaran bahawa "Tiada Aman, Tiada Jaya"!. Justeru, soal keselamatan dan ketenteraman sentiasa diambil berat oleh Kerajaan Negeri. Sebagai bukti komitmen Kerajaan Negeri, mulai tahun 2012 peruntukan **700 ribu ringgit** telah disediakan untuk pasukan RELA dan Rukun Tetangga untuk menjalankan pelbagai aktiviti memelihara keselamatan dan ketenteraman masyarakat. Selain itu, pada tahun 2012, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak telah menyumbangkan 3 buah van kepada Polis Diraja Malaysia untuk digunakan sebagai balai polis bergerak dengan perbelanjaan **261 ribu ringgit**. Kerajaan Negeri turut membelanjakan **174 ribu ringgit** bagi mengubah suai van tersebut kepada balai polis bergerak.

93. Tak siapa yang suka pada jenayah kerana jenayah mengancam kehidupan. Menyedari hakikat ini, pelbagai usaha dan peruntukan yang besar yang disediakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk mencegah jenayah. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan Negeri turut menyokong usaha tersebut dengan menyediakan peruntukan **500 ribu ringgit** pada tahun 2013 bagi penganjuran program dan aktiviti berobjektifkan pencegahan jenayah, melalui pertubuhan-pertubuhan NGO, badan-badan sukarela, Majlis Masyarakat Sivil Amanjaya, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan sebagainya. Ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menangani gejala jenayah.

94. Berkat hasil usaha yang serius dan berterusan dalam mengurangkan kadar jenayah dan menjamin keselamatan warga masyarakat, Polis Diraja Malaysia memaklumkan bahawa sehingga Oktober 2012, kadar indeks jenayah yang berlaku di Negeri Perak telah menurun sebanyak **1,167 kes** atau **-14.1%** kepada **7,102 kes** berbanding **8,269 kes** dalam tempoh yang sama tahun 2011. Langkah-langkah bagi mengurangkan kadar jenayah akan diteruskan melalui *Omnipresence* iaitu mempertingkatkan rondaan-rondaan pasukan polis dengan kerjasama pasukan tentera dan penguat kuasa Kerajaan Tempatan, mewujudkan *high visibility* pasukan keselamatan di kawasan-kawasan komersial dan tempat-tempat awam bagi memberikan keyakinan kepada orang ramai serta meneruskan operasi mencegah jenayah.

95. Najis dadah adalah perosak bangsa, memporak-perandakan keluarga dan meruntuhkan masyarakat dan negara. Pencegahannya mesti dipandang serius. Sebagai sokongan kepada program yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan **200 ribu ringgit** pada tahun 2013 bagi melaksanakan program mencegah penagihan najis dadah.

96. Rakyat jelata turut menyumbang dalam mewujudkan ketenteraman awam dan ke arah ini, badan sukarelawan seperti RELA turut menjadi nadi kepada usaha memelihara keselamatan masyarakat. Menyedari peri pentingnya peranan RELA dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam, maka Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan serta menambah peruntukan sedia ada sebanyak **100 ribu ringgit** lagi, menjadikan **300 ribu ringgit** pada tahun 2013.

97. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan penyediaan peruntukan berjumlah **500 ribu ringgit** untuk disumbangkan kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai menghargai sumbangan dan khidmat yang diberikan oleh Rukun Tetangga dalam mengawal keselamatan dan memupuk perpaduan di kawasan-kawasan perumahan.



98. Majlis Kebudayaan Negeri telah ditubuhkan bagi menyemarakkan lagi kegiatan-kegiatan kebudayaan. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan **500 ribu ringgit** pada tahun 2013.

99. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan **200 ribu ringgit** untuk menggiatkan sukan di kalangan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Ini mencerminkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap golongan OKU. Dengan peruntukan tersebut, adalah diharapkan kehidupan mereka akan terisi dengan pelbagai aktiviti sukan yang menceriakan kehidupan mereka di samping menyihatkan tubuh badan. Malah, Kerajaan Negeri berharap agar lebih ramai atlet di kalangan OKU negeri ini boleh mewakili negara ke pertandingan sukan di peringkat antarabangsa.

100. Peranan NGO dalam menggerakkan aktiviti masyarakat serta kerja-kerja kebajikan dan turut sama dalam pembangunan sosioekonomi sentiasa diambil berat oleh Kerajaan Negeri. Bagi membantu mereka menjalankan pelbagai kegiatan yang bermanfaat, Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan bantuan berjumlah **5 juta ringgit** pada tahun 2013.

101. Peruntukan **2 juta ringgit** juga diteruskan untuk NGO wanita bagi membantu mereka menjalankan kegiatan khusus untuk kebajikan wanita. Peruntukan ini termasuk **200 ribu ringgit** yang disediakan khusus kepada Pertubuhan Ibu Tunggal.

102. Bagi masyarakat bukan Islam, peruntukan **3.5 juta ringgit** bagi kegiatan Bukan Islam akan diteruskan pada tahun 2013 termasuk peruntukan untuk kaum Sikh sebanyak **500 ribu ringgit**.

103. Masyarakat Orang Asli juga diberikan peruntukan **1.5 juta ringgit** pada tahun 2013 bagi melaksanakan pelbagai aktiviti mereka. Peruntukan ini adalah sebagai tambahan kepada peruntukan Mengurus **7 juta ringgit** dan **20 juta ringgit** bagi projek pembangunan yang meliputi projek mini Rural Transformation Center (RTC) Bawong, kemudahan prasarana dan perumahan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan.

104. Peruntukan untuk **Kelab-Kelab Guru** di semua sekolah dalam Negeri Perak berjumlah **2 juta ringgit** akan diteruskan pada tahun 2013 untuk menampung pembiayaan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh Kelab Guru di dalam Negeri Perak.

105. Selain itu, beberapa insentif dan kemudahan lain yang diumumkan semasa pembentangan Bajet Tahun 2010 sehingga ke Bajet 2012 yang diteruskan termasuklah peruntukan bagi Program Pengupayaan Generasi Muda sebanyak **2 juta ringgit** dan peruntukan bagi Program Pengupayaan Mahasiswa berjumlah **1.5 juta ringgit**, iaitu peningkatan **500 ribu ringgit**.

106. Beberapa insentif dan kemudahan lain yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2010 sehingga Bajet 2012 yang diteruskan, termasuklah:

- i) Bayaran elaun tambahan sebanyak **200 ringgit sebulan** berserta elaun khas sebanyak **50 ringgit sebulan** kepada Ketua Kampung;
- ii) Anugerah menunaikan ibadah fardu Haji kepada Ketua Kampung berdasarkan kawasan Dewan Undangan Negeri;
- iii) Bayaran elaun tambahan **150 ringgit** sebulan kepada Ketua Kampung Kampung Baru, Kampung Bagan dan Kampung Rangkaian;
- iv) Pemberian peruntukan tahunan **3,000 ringgit** kepada setiap Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK);

- v) Bayaran elaun tambahan kepada guru-guru KAFA sebanyak **200 ringgit** sebulan;
- vi) Bayaran elaun bulanan **200 ringgit** kepada bilal dan siak;
- vii) Sumbangan **100 ribu ringgit** kepada Persatuan Bekas Tentera Malaysia Bahagian Perak;
- viii) Sumbangan **100 ribu ringgit** kepada Persatuan Bekas Polis Malaysia Negeri Perak; dan
- ix) Sumbangan **100 ribu ringgit** kepada Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Bahagian Negeri Perak.

#### **FOKUS KELIMA: MEMBINA MASA HADAPAN YANG CEMERLANG**

107. Gagasan Perak Amanjaya antaranya dirangka untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai keupayaan menepati keperluan semasa dan dilengkapi dengan nilai murni yang membolehkan penglibatan secara efektif dalam pembangunan masyarakat dan aktiviti ekonomi yang berpotensi tinggi. Antara program yang dijalankan adalah penubuhan Pusat Kerjaya Amanjaya (PeKA). Selepas setahun Pusat Kerjaya Amanjaya (PEKA) ditubuhkan dan beroperasi, seramai 6,458 pencari kerja telah berjaya dipadankan dan ditempatkan di syarikat dan organisasi yang berdaftar melalui kaedah “job matching”. Pihak Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap kepentingan menyediakan ruang dan peluang pekerjaan sebanyak mungkin kepada rakyat negeri ini. Ke arah merealisasikan matlamat tersebut, PEKA akan diperuntukkan **2.2 juta ringgit** untuk terus membantu mencari, menyelaras, melatih dan memberi pengetahuan tambahan bagi melengkapkan graduan dan pencari pekerjaan meningkatkan peluang mendapat pekerjaan atau pun ‘*employability*’.

108. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan penglibatan aktif belia dan kesejahteraan masyarakat terpelihara melalui penyediaan peluang yang berkualiti. Sehubungan itu, penubuhan Pusat People of Remarkable Talent (PORT) memberikan peluang dan bertindak sebagai sebuah platform kegiatan untuk karyawan muda dalam bidang penulisan, pementasan, seni foto, lukisan, muzik dan sastera. Dengan ini, platform tersebut dapat membentuk golongan muda yang bukan sahaja celik budaya dan sejarah tetapi mempunyai nilai estetika yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif serta inovatif. Antara program besar yang telah berjaya dijalankan PORT adalah Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa Pangkor, Ipoh Street Photo Exhibition, Rabak Art Exhibition, Sembang Seni, Fiesta Seni Budaya Perak dan TwtUplpoh. Program TwtUplpoh berjaya menarik lebih 5,000 orang belia seluruh Malaysia datang ke Ipoh bagi tujuan perhimpunan komuniti *twitter*. Untuk itu, peruntukan **1 juta ringgit** disediakan pada tahun 2013.

109. Selain daripada PORT, penubuhan Majlis Masyarakat Sivil Amanjaya (MMSA) yang merupakan sebuah platform untuk rakyat melalui NGO sebagai kuasa ketiga (*third force*) bagi mengutarakan masalah secara terbuka, memberikan pandangan kepada Kerajaan Negeri untuk kepentingan masyarakat dan seterusnya mencapai persetujuan dan kata sepakat untuk pembangunan negeri ke arah Perak Amanjaya. Ia selari dengan hasrat Kerajaan Negeri yang ingin membuka ruang kepada aktivis masyarakat dan NGO menyampaikan pandangan masing-masing dalam satu platform. Ketika ini MMSA dianggotai oleh 40 orang ahli daripada pelbagai NGO. Satu Bengkel NGOs Live Out Loud telah berjaya diadakan pada 4 Ogos 2012 manakala Persidangan MMSA telah dilangsungkan pada 30 September 2012. Untuk itu, program ini akan menggunakan peruntukan sedia ada pada IDR.

## **Program Mengantarabangsakan Negeri Perak (Internationalization of Perak)**

110. Era globalisasi dan dunia tanpa sempadan telah membuka ruang dan peluang yang luas untuk Negeri Perak dipromosikan ke peringkat antarabangsa. Di samping melonjakkan lagi pelancongan, usaha mengantarabangsakan Negeri Perak akan menyemarakkan bidang ilmuwan, pindahan teknologi (*technology transfer*), galakan perdagangan serta penerokaan bidang dan peluang baru dalam perindustrian serta meningkatkan pelaburan; sejajar dengan anjakan ke arah K-ekonomi serta transformasi ekonomi menuju taraf negara maju berpendapatan tinggi.

111. Program mengantarabangsakan Negeri Perak akan melibatkan penganjuran seminar, forum, persidangan, dialog, penganjuran sukan dan seumpamanya yang bertaraf antarabangsa yang merangkumi kepelbagaian konteks budaya, keilmuan dan akademik serta kesukanan. Dalam konteks kebudayaan, Kerajaan Negeri akan terus menganjurkan beberapa acara bertaraf dunia antaranya seperti 'World Drum Festival', Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa Pangkor, Fiesta Budaya Perak dan Himpunan Seni Mempertahankan Diri Antarabangsa Perak.

112. Skop pengantarabangsaaan ini juga mencakupi bidang akademik dan keilmuan. Sebagai langkah permulaan, World Conference on Islamic Thought 2012: Contemporary Challenges and Realities (WCIT2012) anjuran Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) dan Institut Darul Ridzuan telah berjaya dianjurkan pada 11-13 Oktober 2012 yang lalu, yang telah menghimpunkan cendekiawan Islam peringkat antarabangsa untuk menyumbang input-input keilmuan. Seterusnya, Pangkor International Development Dialogue (PIDD) telah berjaya dianjurkan oleh IDR dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Sains Malaysia (USM) pada 19 hingga 21 November 2012. Bagi membiayai program-program seumpama ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan **3 juta ringgit** pada tahun 2013.

113. Selain dari itu, Kerajaan Negeri percaya bahawa salah satu cara yang berkesan untuk mengantarabangsakan Negeri Perak adalah melalui penganjuran pelbagai acara sukan bertaraf antarabangsa. Oleh itu, beberapa acara sukan berprestij akan dianjurkan pada tahun 2013, dengan peruntukan **3 juta ringgit** disediakan bagi membiayainya dan akan dikendalikan di bawah portfolio kebudayaan, belia dan sukan. Program ini, yang juga dikenali sebagai Pelancongan Sukan, akan diisi dengan penganjuran pelbagai acara sukan seperti berikut:

- i) Perak International Iron Bound Challenge
- ii) AAM International Malaysian Rally Championship
- iii) International Paintball Perak Open
- iv) Kejohanan Antarabangsa Sepak Takraw Piala Menteri Besar
- v) Motocross International Drift Challenge
- vi) Jet Ski International Pangkor Challenge
- vii) Pangkor International Mountain Bike Challenge
- viii) Perak 4 x 4 International Bukit Larut
- ix) Motocross 4 Circuit International Challenge

## **Perumahan Awam Untuk Rakyat**

114. Kerajaan Negeri sedar bahawa perumahan yang mampu dimiliki dan selesa adalah keperluan asas dan menjadi keutamaan kepada rakyat. Pada pembentangan Bajet 2012 yang lalu, Kerajaan Negeri telah mengumumkan untuk mewujudkan satu dana berbentuk “Rolling Plan” sebanyak **60 juta ringgit** bagi penyediaan perumahan untuk rakyat. Pada tahun 2013, peruntukan **8 juta ringgit** disediakan di bawah Rolling Pelan tersebut dan akan disalurkan melalui Yayasan Bina Upaya bagi menjayakan Skim Rumah Insan Amanjaya (SRIA).

115. Sebagai bukti komitmen Kerajaan Negeri, dua lagi Program Perumahan Rakyat (PPR) telah diluluskan pada tahun 2012 untuk dilaksanakan iaitu PPR Daerah Hilir Perak dan PPR Kerian. Kedua-dua projek ini dijangka siap pada Julai 2014 dengan melibatkan perbelanjaan Kerajaan Negeri berjumlah **26.58 juta ringgit**. Sebanyak 150 unit rumah akan dibangunkan di PPR Hilir Perak untuk tujuan disewa manakala 100 unit rumah akan dibina di PPR Kerian untuk dijual kepada golongan berpendapatan isi rumah di bawah 2,500 ringgit sebulan.

116. Melalui kerjasama yang erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, sebuah projek di bawah peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bernilai **25.9 juta ringgit** iaitu Program Perumahan Rakyat Batu 2 ½ , Jalan Simpang, Taiping sedang dibina dan dijangka akan siap pada Mei 2013. Projek PPR ini melibatkan pembinaan 240 unit rumah termasuk dewan serba guna, taska dan unit kedai. Projek ini apabila siap kelak akan diuruskan oleh Kerajaan Negeri dan ianya akan disewakan kepada golongan berpendapatan rendah yang berkelayakan.

## **Program Setinggalan Sifar**

117. Kerajaan Negeri menyedari bahawa mensifarkan setinggalan bukanlah suatu tugas yang mudah dan ia perlu dilakukan secara komprehensif. Usaha untuk mencapai setinggalan sifar telah dilaksanakan sejak tahun 2006 dan akan sentiasa berterusan agar 14,282 setinggalan yang telah dibanci dapat diselesaikan.

118. Secara keseluruhannya, sehingga 28 November 2012, Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan **11,857 setinggalan atau 83.02 peratus**, berbanding **9,994 setinggalan atau 69.98 peratus** pada Oktober 2011 yang lalu.

119. Sebagai komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam pembasmian setinggalan, peruntukan **1 juta ringgit** akan disediakan pada tahun 2013 bagi bayaran kerja-kerja ukur tapak Rancangan Penempatan Tersusun di bawah program ini.

## **Perkhidmatan Awam**

120. Perkhidmatan awam di negeri Perak telah melakukan transformasi dengan hebatnya selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada beberapa buah jabatan yang telah mendapat pengiktirafan Sangat Baik (4 Bintang) dan Baik (3 Bintang) dalam penilaian Indeks Akauntabiliti pengurusan kewangan pada tahun 2011, terutama kepada Pejabat Kewangan Negeri Perak di atas kejayaan diberi penarafan **4 Bintang Indeks Akauntabiliti** bagi tahun keempat berturut-turut. Pada kali ini, Pejabat Kewangan Negeri Perak telah mendapat markah yang tertinggi di Malaysia di kalangan jabatan atau agensi yang diberikan penilaian oleh Jabatan Audit Negara Malaysia. Tahniah juga kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, kerana turut diberikan penarafan 4 Bintang



Indeks Akauntabiliti tahun 2011. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat jabatan dan agensi Negeri Perak pada tahun 2011 adalah bertambah baik berbanding tahun 2010 di mana **dua (2) jabatan** diberikan taraf **Sangat Baik (4 Bintang)** dan **11 jabatan** menerima taraf **Baik (3 Bintang)**.

121. Pada peringkat PBT pula, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah Majlis Perbandaran Manjung yang turut mengharumkan nama Negeri Perak di atas pencapaian yang membanggakan seperti berikut:

- i) Berada dalam kategori 5 terbaik daripada keseluruhan PBT di Malaysia dan satu-satunya PBT di Negeri Perak yang mencapai taraf 4 Bintang Sistem Star Rating Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2010/2011, yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan. Dengan ini, Majlis Perbandaran Manjung berada sebaris dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- ii) Portal Terbaik di Peringkat Kebangsaan bagi Kategori Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2012 yang dinilai oleh *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)*.
- iii) Pemenang Anugerah EMAS Konvensyen Persekitaran Berkualiti 5S Peringkat Kebangsaan 2012 dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

122. Untuk semua PBT, tahniah kerana telah dianugerahkan 5 Star bagi portal terbaik. Tahniah juga kepada jabatan-jabatan dan agensi negeri yang lain yang telah berjaya memperoleh Sijil MS ISO 9001:2008 dan pensijilan Persekitaran Berkualiti 5S.

123. Transformasi perkhidmatan awam Negeri Perak telah menggalakkan budaya inovasi di kalangan jabatan dan agensi-agensi Negeri. Untuk itu, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih dan tahniah kepada jabatan-jabatan negeri yang memasuki pertandingan inovasi yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2012 ini. Hasilnya, beberapa penciptaan inovasi telah berjaya diperluaskan penggunaannya di seluruh negara seperti peralatan **Intelligence River Guard (INTRIGUARD)** ciptaan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak. Peralatan ini telah mendapat pingat emas semasa Malaysian Technology Expo anjuran Malaysia Association of Research Scientist (MARS) pada tahun 2011 serta menerima sijil Best Design Award daripada Japan Intellectual Property Association, juga pada tahun 2011. Selain itu, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak juga telah berjaya mencipta inovasi **Road Stud** yang berfungsi sebagai pemantul cahaya penunjuk jalan pada waktu malam, yang diperbuat daripada bahan yang murah, mudah diganti dan sangat ekonomi. Kepada kedua-dua jabatan tersebut, tahniah sekali lagi saya ucapkan.

124. Sama ada kita sedar atau tidak, Sekolah Raja Perempuan Taayah telah mengharumkan nama Negeri Perak di pentas antarabangsa apabila ciptaan inovasi pelajarnya iaitu **Nutty-Notty** telah meraih **pingat emas** serta menerima anugerah Semi-Grand Award daripada Asia Invention Creativity Association (AICA) semasa di Korea Cyber International Genius Inventor Fair 2012 (CIGIF 2012), Seoul, Korea Selatan. Tambah membanggakan kita lagi, apabila ciptaan inovasi pelajar sekolah tersebut iaitu **Green Matbakh** turut memenangi **pingat Perak** di dalam festival yang sama. Saya dengan ini merakam setinggi-tinggi tahniah kepada guru-guru, kakitangan dan pelajar Sekolah Raja Perempuan Taayah di atas kejayaan cemerlang mereka.

125. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan cadangan pemberian insentif kepada jabatan-jabatan negeri yang berjaya mencapai tahap terbaik dari segi pengurusan kewangan, penyampaian perkhidmatan dan inovasi serta kreativiti.

### **Majlis Transformasi Negeri Perak (MANTAP)**

126. Di bawah Gagasan Perak Amanjaya, Kerajaan Negeri akan terus berperanan sebagai nadi transformasi dan pemangkin pembangunan ekonomi yang merangsang pertumbuhan, yang disokong oleh sistem penyampaian yang efisien serta memenuhi jangkaan semua pihak yang berkepentingan (stakeholders). Sehubungan itu, **Majlis Transformasi Negeri Perak (MANTAP)** yang telah diperkenalkan pada tahun ini akan diteruskan bagi meningkatkan pengupayaan penjawat awam dan golongan sasaran. Di bawah Majlis ini, diwujudkan tiga strategi-strategi transformasi; yang pertama ialah **Transformasi Minda** bagi membangunkan modal insan, sahsiah dan penerapan nilai budaya cemerlang melalui pendekatan Teori Competitive Advantage yang diperkenalkan oleh Michael E. Porter. Strategi transformasi kedua ialah **Transformasi Diri** yang dirangka untuk dilaksanakan di kalangan barisan pendidik, belia, warga industri, pemimpin masyarakat dan pegawai kerajaan bagi membentuk jati diri, kreatif dan inovatif. Dari aspek daya fikir dan kepimpinan, strategi transformasi ketiga iaitu **Transformasi Kepimpinan** akan dilaksanakan melalui pendekatan **(dengan izin)** Blue Ocean Strategy. Bagi menjayakan ketiga-tiga strategi transformasi ini, sebanyak **3.2 juta ringgit** akan diperuntukkan pada tahun 2013.

127. Kerajaan Negeri juga menggalakkan agar dilaksanakan program merakyatkan perkhidmatan awam kepada masyarakat setempat kerana hakikatnya majoriti penduduk negara kita mempunyai hubungan secara langsung dengan perkhidmatan awam. Penyampaian perkhidmatan awam juga perlu diberikan

mengikuti standard dunia (*world class service*) dengan penuh semangat, minat dan bersungguh-sungguh. Untuk itu, sistem penyampaian perkhidmatan awam perlu terus ditransformasikan agar lebih **Cepat, Tepat dan Berintegriti** dan dilaksanakan dengan penuh **Produktiviti melalui Kreativiti dan Inovasi**, dan ianya diharapkan dapat dilaksanakan melalui **Majlis Transformasi Negeri Perak (MANTAP)**.

### **Pemberian Khas Untuk Bakal Pesara**

128. Semasa pembentangan Bajet 2012 lalu, Kerajaan Negeri mengumumkan pemberian khas kepada anggota-anggota Kumpulan Sokongan yang akan bersara dalam bentuk Sijil Amanah Saham Wawasan bernilai **3 ribu ringgit**. Pemberian tersebut akan melibatkan anggota-anggota di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri. Oleh itu, sukacita dimaklumkan bahawa sehingga kini seramai 184 orang pesara telah menerima insentif tersebut dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak **552 ribu ringgit** pada tahun 2012. Sebagai testimoni keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kebajikan warga perkhidmatan awam, insentif ini akan diteruskan pada tahun 2013.

## **BAJET TAHUN 2013**

129. Penyata-penyata Bajet Tahun 2013 sebagaimana terkandung di dalam Kertas Dewan Bilangan 30 Palang 2012 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini mengandungi empat perkara berikut:

**Pertama:** Anggaran Hasil dan Terimaan Pembangunan berjumlah **905.61 juta ringgit;**

**Kedua:** Anggaran Perbelanjaan Mengurus di bawah Maksud Tanggungan dan Bekalan berjumlah **626.27 juta ringgit;**

**Ketiga:** Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah **322.2 juta ringgit;** dan

**Keempat:** Defisit berjumlah **42.86** juta ringgit.

## **ANGGARAN HASIL DAN TERIMAAN PEMBANGUNAN 2013**

130. Hasil dan Terimaan Pembangunan tahun 2013 yang dianggarkan sebanyak **905.61 juta ringgit** yang terdiri dari Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah **857.61 juta ringgit** dan Terimaan Pembangunan **48 juta ringgit**. Anggaran ini dibuat berasaskan sumber-sumber hasil yang dikenal pasti dan juga tahap kemampuan pihak Kerajaan Negeri untuk memperolehnya.

## **PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2013**

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

131. Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2013 dicadangkan sebanyak **626.27 juta ringgit**, iaitu peningkatan **32.0 juta ringgit** atau **5.38 peratus** berbanding **594.27 juta ringgit** pada tahun 2012. Perinciannya adalah seperti berikut:

- Pertama:** Emolumen berjumlah **290.44 juta ringgit**;
- Kedua:** Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah **220.97 juta ringgit**;
- Ketiga:** Aset berjumlah **15.18 juta ringgit**;
- Keempat:** Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah **97.88 juta ringgit**; dan
- Kelima:** Perbelanjaan Lain berjumlah **1.8 juta ringgit**.

## **PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2013**

132. Sejumlah **322.20 juta ringgit** dicadangkan bagi Perbelanjaan Pembangunan pada tahun 2013. Jumlah ini bertambah **1.2 juta ringgit** ataupun **0.37 peratus** berbanding cadangan bagi tahun 2012, iaitu **321 juta ringgit**.

133. Agihan peruntukan pembangunan adalah seperti berikut:

- P.01 - Jabatan Kerja Raya sebanyak **65 juta ringgit**;
- P.02 - Perkhidmatan Masyarakat dan Luar Bandar **67.15 juta ringgit**;
- P.03 - Jabatan Pengairan dan Saliran **14 juta ringgit**;
- P.04 - Jabatan Pertanian **8.5 juta ringgit**;
- P.05 - Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri **20.0 juta ringgit**;
- P.06 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar **9.0 juta ringgit**;
- P.07 - Jabatan Perhutanan **7.1 juta ringgit**;
- P.08 - Jabatan Agama Islam **8.2 juta ringgit**;
- P.09 - Jabatan Kehakiman Syariah **4.3 juta ringgit**; dan
- P.10 - Pelbagai Projek **118.95 juta ringgit**.

### **Justifikasi dan Implikasi Kewangan**

134. Bajet 2013 yang disediakan ini melibatkan jumlah belanjawan **948.47 juta ringgit** yang dibiayai oleh anggaran hasil dan terimaan pembangunan berjumlah **905.61 juta ringgit**, justeru menyebabkan defisit yang dianggarkan **42.86 juta ringgit**.

135. Menyentuh fasal defisit, ini bukan kali pertama pihak Kerajaan Negeri Perak menyediakan bajet defisit, malah semasa Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Pembangkang, juga bajet defisit. Begitu juga buat tahun-tahun 2008 (-39.99 juta ringgit), 2009 (-25 juta ringgit), 2010 (-23.89 juta ringgit), 2011 (-29.91 juta ringgit) dan 2012 (-50.14 juta ringgit). Namun, walaupun di peringkat penyediaan bajet-bajet tersebut dijangkakan akan mengalami defisit, ia berakhir dengan surplus seperti yang berlaku pada tahun-tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011. Ini bermakna anggaran defisit itu adalah suatu bentuk rangsangan pentadbiran supaya berusaha lebih keras bagi meningkatkan sumber hasil yang kelak akan mentiadakan defisit atau beroleh surplus.

136. Anggaran defisit **42.86 juta ringgit** bagi Bajet 2013 berbanding **50.14 juta ringgit** pada tahun 2012 adalah kurang dari **enam peratus** daripada rezab yang sedia ada yang berjumlah **778.13 juta ringgit pada nilai pasaran** pada 7 Disember 2012. Oleh itu, tidak harus ada puak-puak yang dengan sesuka hati membuka kilang fitnah dan menjaja fitnah ke hulu ke hilir mengatakan Kerajaan Negeri Perak di ambang muflis, dan rakyat dikelirukan semata-mata untuk mainan politik murahan.

137. Satu aspek yang patut juga disebut ialah bahawa Bajet 2013 ini memperuntukkan lebih **50 peratus** daripada perbelanjaan Pembangunan diagihkan secara langsung kepada program-program mensejahterakan serta menyelesaikan kehidupan rakyat. Ini mencerminkan keprihatinan serta komitmen Kerajaan Negeri yang diterajui Barisan Nasional terhadap kesejahteraan rakyat. Agihan ini adalah berdasarkan kepada prinsip Agihan Keadilan (*Distributive Justice*) yang memberi dan menyampaikan hak-hak kepada semua lapisan masyarakat dan ke serata pelosok Negeri Perak.



138. Dengan usaha-usaha yang lebih gigih dan kreatif, peruntukan Pembangunan yang disediakan bagi tahun 2013 berjumlah **322.2 juta ringgit** bertambah **1.2 juta ringgit** berbanding tahun 2012. Walaupun pertambahan ini tidak begitu ketara, namun terdapat beberapa program baru yang akan dilaksanakan pada tahun 2013. Ini termasuklah:

<b>Bil</b>	<b>Program/Projek Baru</b>	<b>Peruntukan (RM juta)</b>
1	Pemasangan lampu jalan kampung dan bayaran bil	4.00
2	Persidangan dan Seminar Peringkat Antarabangsa	3.00
3	Pelancongan Sukan	3.00
4	Tuisyen Online	2.50
5	Peruntukan sumbangan kepada PIBG	2.20
6	Program Transformasi Minda	1.20
7	Program Pencegahan Jenayah	0.50
8	Peruntukan sukan OKU	0.20
9	Program Pencegahan Najis Dadah	0.20
	<b>Jumlah</b>	<b>16.80</b>

139. Selain dari itu, Kerajaan Negeri juga menambah peruntukan untuk program-program sedia ada, di antaranya termasuklah:

Bil	Program/Projek Sedia Ada	Peruntukan 2012 (RM Juta)	Ditambah sebanyak (RM Juta)	Jumlah bagi 2013 (RM Juta)
1	Peruntukan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat	20.84	2.00	22.84
2	Peruntukan mengurus KUISAS	12.00	4.00	16.00
3	Peruntukan membaik pulih rumah ibadat bukan Islam	4.50	0.50	5.00
4	Program Pengupayaan Mahasiswa	1.00	0.50	1.50
5	Sumbangan kepada pusat jagaan anak yatim	0.25	0.75	1.00
6	Peruntukan untuk pasukan RELA	0.20	0.10	0.30
	<b>Jumlah tambahan peruntukan</b>		<b>7.85</b>	

140. Keupayaan Kerajaan Negeri mewujudkan program serta projek baru dan juga menambah peruntukan untuk sebilangan program sedia ada, dan dalam masa yang sama mengurangkan anggaran defisit dari tahun 2012 iaitu **50.14 juta ringgit** kepada **42.86 juta ringgit** adalah bukti kemampuan Kerajaan Negeri Barisan Nasional menguruskan kewangan negeri dengan baik dan mapan.

### **Penghargaan dan Terima Kasih**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

141. Saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas segala bantuan yang diberikan kepada Negeri Perak. Ini termasuk pelbagai peruntukan yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Program Transformasi Ekonomi (ETP), melalui program di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Program Transformasi Desa (RTP) dan pelbagai lagi yang bernilai berbillion-billion ringgit. Terbaru ialah Urban Transformation Center (UTC) di Bangunan Seri Kinta, Ipoh yang sudah hampir siap bernilai **36 juta ringgit**.

142. Selain dari pelbagai peruntukan yang diluluskan, pihak Kerajaan Persekutuan juga telah menyuntik dana berbentuk tunai yang dinamakan Bantuan Rakyat 1 Malaysia bagi mengurangkan bebanan sara hidup rakyat yang berpendapatan kurang dari 3,000 ringgit sebulan. Setiap penerima yang layak diberikan 500 ringgit secara langsung. Berdasarkan jumlah penerima di Negeri Perak seramai **429,231 orang**, maka dana **214.61 juta ringgit** telah mengisi kocek rakyat di Perak. Satu hakikat yang mungkin tidak disedari oleh sesetengah pihak, atau sengaja buat-buat lupa, ialah bahawa dana sebanyak itu telah secara langsung atau tidak langsung meningkatkan daya beli pengguna, lantas merancakkan lagi permintaan domestik, sekali gus menjana pertumbuhan ekonomi. Kerajaan mampu berbuat demikian kerana ekonomi negara mampu membiayainya, dan kemampuan ekonomi negara itu adalah terhasil dari kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional menguruskan kewangan dan ekonomi negara dengan baik.

## **PENUTUP**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

143. Tugas menyediakan bajet 2013 ini bukan kerja mudah. Ramai yang telah bertungkus-lumus menyediakannya, dan ramai yang telah turut menyumbang idea atau cadangan, dari kalangan penjawat awam, NGO, pemimpin-pemimpin masyarakat termasuk golongan peniaga dan korporat serta cendekiawan. Segala usaha itu adalah untuk menjadikan bajet 2013 ini ibarat pelita yang menerangi perjalanan kita bersama menuju AMANJAYA.

144. Oleh itu, saya bagi pihak Kerajaan Negeri ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah bersusah payah menyediakan Bajet ini.

145. Bajet ini bajet kita. Pelaksanaannya juga di tangan kita. Nikmat kesejahteraan yang dicetuskan oleh Bajet ini adalah untuk kita. Oleh itu, sama-samalah kita menjayakannya.

146. Bajet 2013 ini realistik dan bertanggungjawab sifatnya. Ia tidak terisi dengan angan-angan, juga tidak dipenuhi dengan omong-omong kosong, jauh sekali dari menjanjikan bulan dan bintang atau sebarang janji atau janji bajet yang lumayan yang tidak mungkin boleh ditepati. Segala yang termaktub di dalam Bajet 2013 ini, InsyaAllah akan dilaksanakan kerana Kerajaan Barisan Nasional berpegang teguh kepada prinsip serta amalan 'JANJI DITEPATI'.

147. Dengan segala rendah diri saya berdoa ke hadrat Allah S.W.T semoga diberkati jua bajet Negeri Perak tahun 2013 ini dengan curahan rahmat kemakmuran, aman serta jaya buat sekalian rakyat dan Negeri Perak tercinta ini.

148. Saya ingin memetik ayat Al-Quran iaitu ayat 200 Surah Ali-'Imran yang berbunyi seperti berikut:

***Wahai orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebjikan) dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh (di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).***

***Ali-'Imran: 200***

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Saya mohon mencadangkan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq Walhidayah, Wasalamulaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.